



KENYATAAN MEDIA

18Disember 2015

EMPAT BUAH SEKOLAH DI PERLIS RAIH KEJAYAAN MEMBANGGAKAN DI TAIWAN

Kaohsiung, 18 Disember - Empat buah sekolah dari negeri Perlis yang menyertai pertandingan inovasi Kaohsiung International Invention & Design Expo (KIDE 2015) di Taiwan berjaya mengharumkan nama Malaysia apabila meraih lima pingat emas dan satu pingat perak.

Lebih membanggakan, delegasi sembilan pelajar serta tiga guru pengiring itu turut diwakili oleh penyelidik cilik dari Sekolah Kebangsaan (SK) Sena yang turut dinobatkan sebagai *International Best Young Inventor* iaitu Muhammad Qhalif Azariq Sahzan melalui produknya Master Cut.

Selain Muhammad Qhalif yang turut menyumbangkan pingat emas peribadi, SK Sena turut cemerlang menerusi hasil inovasi Nur Hana Alisha Khairrel Rafezi iaitu *Smart Body Wash* yang meraih pingat emas dan satu pingat perak menerusi Najihah Humairah Mohd Najmuddin bagi produk Kidscompost.

Selain penyelidik cilik tersebut, tiga lagi pingat emas disumbangkan oleh Puteri Nurfarahlia Mansor dari Sekolah Menengah Sains (SMS) Tuanku Syed Putra (SMSTSP) dengan inovasinya *Hydro Fertilizer*, Shafiq Rezal bersama Foo Sher Lee dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Lailatul Shahreen (*Tennis Ball Collector*) dan Haikal Azhar, Muhammad Aliff Eimman Zaidi serta Mohamad Khairul

Hazman Hashimi dari SMK Dato' Sheikh Ahmad (*Emission Impossible – The Smart Hydroponic System*).

Guru Besar SK Sena Roslan Yatim, yang turut menyertai delegasi ke Kaohsiung, berkata, pendedahan pelajar kepada bidang sains dan inovasi itu merupakan sebahagian daripada inisiatif sekolah dalam membantu pelajar-pelajar serta sekolah sekitar Perlis memperkasa akademik dan keterampilan samada di dalam mahupun luar negara.

Katanya, SK Sena telah banyak menyertai delegasi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ke pertandingan peringkat antarabangsa yang turut memberi perkembangan positif kepada pelajar yang turut membuktikan kecemerlangan dalam akademik.

“Melalui kerjasama dan bimbingan dari UniMAP, kita telah berjaya memberikan pendedahan kepada inovasi dan penyelidikan untuk pelajar-pelajar dalam kaedah yang cukup santai dan mudah yang seterusnya membuka minat pelajar untuk mempelajari Sains dan Matematik.

“Hasilnya, SK Sena telah banyak meraih pelbagai kejayaan dalam penyertaan inovasi dan penyelidikan di dalam dan luar negara dan kejayaan dalam KIDE 2015 ini akan terus menyemarakkan semangat pelajar untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan memberikan manfaat kepada masyarakat,” ujar beliau.

KIDE 2015 dianjurkan oleh World Invention Intellectual Property Association (WIIPA) dengan kerjasama Kaohsiung City Government dan membabitkan penglibatan dari lebih 20 negara antaranya Taiwan, China, Tunisia, Poland, Romania, Turki, Saudi Arabia, Sri Lanka, Korea, Itali, Indonesia dan Vietnam.

Pameran yang diadakan di International Convention Center Kaohsiung (ICCK), Taiwan itu dirasmikan oleh Datuk Bandar Kaohsiung Taiwan dan Presiden WIIPA.

Dalam pada itu, Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin berkata, keempat-empat sekolah yang meraih kejayaan tersebut merupakan sekolah angkat dan sekolah kluster kepada UniMAP dalam program inovasi dan sains.

Dr. Kamarudin berkata, kejayaan pelajar-pelajar Perlis itu adalah hasil daripada kerjasama beberapa organisasi yang berhasrat mengetengahkan inovasi dan penyelidikan di kalangan pelajar di persada antarabangsa sekaligus membuktikan bahawa negeri Perlis mampu menghasilkan pelajar yang cemerlang dalam bidang inovasi.

Atas inisiatif tersebut, ujar beliau, Persatuan Penyelidik dan Inovasi Malaysia (MyRIS) yang dinaungi oleh UniMAP, Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Perlis (JPN Perlis), menggubal modul pembelajaran dan kemahiran dalam memperkenalkan inovasi kepada pelajar-pelajar di Perlis dengan melalui bengkel inovasi serta robotik termasuk khidmat kepakaran dari UniMAP dalam memperkasa inovasi di Perlis.

“Kesemua pelajar ini kemudiannya didedahkan dengan pertandingan peringkat tempatan iaitu Perlis Engineering, Research & Learning Innovation Symposium (PERLIS 2015) yang diadakan Oktober lepas yang menyaksikan SMSTSP dan SMK Lailatul Shahreen dinobatkan pemenang utama dalam pameran tersebut dan dibawa ke KIDE2015.

“Ini merupakan tanggungjawab sosial universiti dalam membudayakan bidang sains dan inovasi di kalangan generasi muda sekaligus menyumbang kepada perkembangan bidang latihan teknikal dan vokasional (TVET) di negara kita,” katanya.